

Metodologi *Istinbat* Hukum Imam Ibnu Hajar Dalam Bab Solat

The Istinbat Methodology in Solah According to Imam Ibn Hajar

Zainuddin bin Che Seman¹, Muhammed Yosef Niteh²

Terima	Wasiat	Muat Naik e-Jurnal
22 JUL 2020	24 SEPT 2020	16 OKT 2020

ABSTRAK

Ikhtilaf pandangan hukum fiqh adalah disebabkan sedikit perbezaan metode istinbat dalil-dalil hukum. Faktor tersebut adalah punca berlaku perbezaan pendapat dalam istinbat hukum fiqh yang menyebabkan kekeliruan terhadap kefahaman dan pelaksanaan. Sebenarnya kontradiksi pada dalil-dalil hukum tidak berlaku kerana hakikat hukum itu datang daripada sumber yang sama, namun perkara tersebut tetap berlaku khususnya dalam bab sifat solat. Oleh itu kajian ini telah meneroka pandangan hukum Imam Ibnu Hajar dalam bab solat. Pandangan hukum beliau mempunyai banyak perbezaan dengan pendapat Imam Ramli. Metode kajian kepustakaan telah digunakan dalam kajian ini berasaskan metode induktif, deduktif dan komparatif. Hasil kajian mendapati Imam Ibnu Hajar tidak mempunyai metode tersendiri, melainkan beliau mengikut metode Imam al-Syafi'i, namun mereka berbeza pendapat dalam memahami dalil-dalil hukum berdasarkan kaedah istinbat. Setelah kajian dilakukan terdapat beberapa metode yang telah diaplikasi oleh Imam Ibnu Hajar dalam istinbat pandangan hukum dalam bab solat khususnya yang berkaitan dengan sifat solat melibatkan isu-isu syarat, rukun dan sunat solat. Penulis telah mengklasifikasikan metode pentarjihan hukum mengikut tema-tema yang telah dibincangkan iaitu hadis, qias, ijtihad serta taqlid kepada fuqaha dan pendapat muktamad taqlid.

Kata Kunci: *Istinbat, pandangan hukum, Ibnu Hajar, metode dan sifat solat.*

ABSTRACT

The disagreement of the jurisprudence of the law of fiqh is due to the slight difference in the method of inferring the legal arguments. These factors are the cause of differences of opinion in the interpretation of the law of fiqh which causes confusion on understanding and implementation. In fact, contradictions in the legal arguments do not occur because the fact that the law comes from the same source, but the matter still occurs, especially in the chapter on the nature of prayer. Therefore, this study has explored the legal view of Imam Ibn Hajar in the chapter on prayer. His view of law has many differences with the opinion of Imam Ramli. The literature review method was used in this study based on inductive, deductive and comparative methods. The results of the study found that Imam Ibn Hajar did not have his own method, except that he followed the method of Imam al-Syafi'i, but they differed in understanding the legal arguments based on the method of istinbat. After the study is done, there are several methods that have been applied by Imam Ibn Hajar in considering the views of the law in the chapter on prayer, especially those related to the nature of prayer involving issues of conditions, pillars and circumcision of prayer. The author has classified the method

¹ Jabatan Syariah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Bangi Selangor. zainuddin@kuis.edu.my.

² Jabatan Kefahaman & Pemikiran Islam, Pusat Pengajian Teras. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Bangi Selangor. myosef@kuis.edu.my.

of translating the law according to the themes that have been discussed, namely hadith, qias, ijthihad and taqlid to the fuqaha and the final opinion of taqlid.

Keywords: *Istinbat, Methodology, salah, Imam Ibnu Hajar.*

Pengenalan

Kajian ini dijalankan adalah untuk meneroka metode *istinbat* pandangan hukum yang diaplikasikan oleh Imam Ibnu Hajar dalam kitab *Tuhfan al- Muhtāj*. Begitu juga untuk mencapai beberapa objektif yang paling utama iaitu untuk mengenalpasti metode hukum dan pandangan beliau ketika mengistinbat hukum fiqh, serta menghuraikannya. Sejarah fiqh telah mencatatkan ikhtilaf yang ketara di antara Imam Ibnu Hajar dan Imam Ramli. Sebenarnya ikhtilaf di antara Imam Ibnu Hajar dengan Imam Ramli telah maklum di kalangan fuqaha syafiiyyah, sehingga muncul kitab yang membincangkan perbezaan pandangan di antara kedua-dua tokoh tersebut. Penulis hanya memfokuskan kepada metode istinbat yang diaplikasikan oleh Imam Ibnu Hajar dalam kitab *Tuhfah al-Muhtāj* sahaja. Terdapat lima metode analisis yang digunapakai oleh beliau dalam memberi pandangan berkaitan dengan hukum fiqh (al-hatami,1996).

Metode Istinbat Hukum Imam Ibnu Hajar

Penulis menemui di dalam kitab *Tuhfan al- Muhtāj* lima metode *istinbat* hukum fiqh di dalam bab sifat solat yang melibatkan sumber-sumber berikut.

Menggunakan Hadis

Pendapat Imam Ibnu Hajar yang megharuskan bagi wali merotankan kanak-kanak yang telah genap umur sepuluh tahun jika mereka meninggalkan solat, Namun pelaksanaan hukuman rotan tidak boleh mencederakan mereka dan hanya tiga kali pukulan sahaja, sekiranya memudaratkan maka tidak dibenarkannya, ini adalah pendapat muktamad bagi Imam Ibnu Hajar (al-Haitami, 1996). Ini berdasarkan kepada hadis sahih, yang diriwayat daripada Abu Daud.

(مروا الصبي بالصلاة إذا بلغ سبع سنين، وإذا بلغ عشر سنين فاضربوه عليها) وفي رواية مروا أولادكم

(Sunan Abu Daud no:494)

Maksudnya: Suruhlah kanak-kanak solat setelah umur tujuh tahun, dan hendaklah kamu pukul mereka apabila genap sepuluh tahun.

Menggunakan Qias

Bagi Imam Ibnu Hajar tidak wajib niat keluar daripada solat kecuali diqiaskan pada satu masalah sahaja, iaitu seorang mengerjakan solat sunat hendak kurangkan bilangan rakaat yang tidak termasuk dalam niat ketika *takbiratulihram*, maka pada ketika itu wajib ia niat keluar daripada solat tersebut. Tetapi pada pendapat Imam Ramli Namun tidak harus bagi seseorang mengurangkan rakaat kerana terikat dengan niat, maka ketika itu terbatal *illah* hukum tersebut,

kerana niat untuk mengurangkan rakaat telah terangkum di dalam salam pada *tahiyyat* akhir, dan tidak perlu lagi kepada niat keluar daripada solat (al-Haitami, 1996).

Menggunakan logik akal

Logik akal ini pula terbahagi kepada teori dan praktikal, justeru ia mengukuhkan lagi nas-nas al-Quran dan Hadis, begitu juga mengguna logik akal untuk menjelaskan hukum dalam perkara-perkara khilafiyah. (al-Haramain, t.th). Sebagai contoh, Imam Ibnu Hajar menyatakan bahawa memadai bacaan qunut sekiranya diganti dengan mana-mana doa yang warid sahaja, tanpa menentukan mana-mana kalimah doa, bahkan memadai dengan mana-mana ayat yang bermaksud doa atau seumpamanya, seperti ayat yang di akhir surah al-Baqarah dan lain-lainnya, dengan syarat diniatnya doa kerana makruh membaca ayat al-Quran bukan pada tempatnya, tetapi tidak memadai dengan surah *al-Masad*, sebab ayatnya tidak mengandungi maksud doa (al-Haitami, 1996).

Bersandarkan kepada Pandangan fuqaha

Imam Ibnu Hajar merujuk kepada fuqaha, seperti Imam al-Rafi`ei, Imam Nawawi, Qadi Husein, Syeikh Zakaria al-Ansyari, al-Zarkasyi, al-Isnawi. Contoh bagi Imam Ibnu Hajar jika seseorang itu hilang halangan solat seperti kafir asli, kanak-kanak, haid dan gila di akhir waktu yang membolehkan *takbiratulihram* maka wajib atasnya menunaikan solat pada waktu itu, atau berbaki waktu itu sekadar meluluskan dua rakaat solat qasar bagi orang musafir, mengikut pendapat *al-awjuh* dan pendapat Imam Imam Nawaw (al-Haitami, 1996).

Bersandarkan kepada Pendapat Auwjuh

Imam Ibnu Hajar mewajibkan mereka yang baru memeluk Islam belajar cara *takbiratulihram*, ketika mula memeluk agama Islam, dan yang asal Islam ketika mumayyiz, termasuk rukun *qauli* lain, ini pendapat *al-awjuh*³ (al-Haitami, 1996).

Pengklasifikasian Metode Pandangan Hukum

Penulis akan mengkategorikan isu-isu yang telah diklasifikasikan mengikut metode pandangan hukum Imam Ibnu Hajar, sebagaimana yang telah diaplikasikan oleh beliau dalam bab sifat solat seperti syarat, rukun dan sunat solat. Penjelasan mengenai metode pandangan hukum berserta contoh adalah seperti berikut.

Metode bersandarkan kepada hadis

Imam Ibnu Hajar merujuk kepada hadis dalam menentukan sesuatu hukum fiqh, di dalam bab sifat solat terdapat sepuluh isu yang *ditarjihkan* oleh Imam Ibnu Hajar berasaskan hadis, beliau mengguna qawaid *alusuliyah*, seperti *ibarah al-nas*, *iqtida' al-nas* dan *mafhum al-muwafaqah*. untuk menganalisis pandangan hukum. Contohnya;

Isu wanita mengqadakan solat yang tertinggal semasa haid.

³ Pendapat yang *diistinbatkan* oleh fuqaha mengikut kaedah dan usulnya dan berijtihad sebahagiannya. Ijtihad mereka kadang-kadang tanpa *mulahazah* dan kajian ada kalam al-Syafi'i sendiri. Justeru tidak harus menisbahkan qaul secara takhrij kepada Imam al-Syafi'i mengikut yang asah, seperti kata Imam al-Nawawi.

Imam Ibnu Hajar berpendapat bahawa tidak sah qada solat bagi wanita yang mengada solat yang tertinggal semasa tempoh haid, kerana perbuatan itu tidak dikira ibadat, bahkan haram, berdasarkan hadis Aisyah. Beliau telah menjelaskannya dengan jelas di dalam bab solat bahawa tiada tuntutan qada bagi mana-mana wanita yang haid atau nifas apabila bersih atau suci daripada haid, bahkan membawa kepada haram, walaupun dalam tempoh murtad. Begitu juga di dalam bab haid beliau menyatakan bahawa tidak wajib bagi wanita qada solat yang tertinggal semasa tempoh haid atau nifas, pendapat ini telah diputuskan secara ijmak, kerana membebaskan dan menyusahkan kaum wanita, justeru membawa kepada makruh mengikut pendapat meajoriti fuqaha silam, bahkan membawa kepada haram sebagaimana yang dikatakan oleh al-Baidawai, pendapat ini juga telah dipersetujui oleh Ibnu Solah dan Imam Nawawi,. berdasarkan hadis riwayat Aisyah yang melarang kaum wanita yang haid daripada melakukan ibadat puasa dan ibadat solah, serta melarang kaum wanita untuk mengqadakan solat (al-Haitami, 1996). Sebagaimana sabda Nabi SAW:

(عن عائشة، قالت: كنا نحيض على عهد رسول الله ﷺ نطهر، فيأمرنا بقضاء الصوم ولا يأمرنا بقضا الصلاة)

(Al-Timizi: 787)

Maksudnya:

Dari Aisyah, berkata: adalah kami datang haid pada zaman Rasullah SAW, kamudian bersih, lalu Beliau menyuruh kami ganti (qada) puasa, dan tidak menyuruh ganti solat.

Metode bersandarkan kepada qias

Imam Ibnu Hajar juga menggunakan metode qias dalam mengistinbat hukum yang berkait dengan masalah niat, contohnya;

Isu bila wajib niat *tahalul* (keluar) daripada solat.

Imam Ibnu Hajar berpendapat bahawa tidak wajib niat keluar daripada solat melainkan pada satu masalah, iaitu seorang yang sedang solat sunat hendak mengurangkan bilangan rakaat solat yang dilakukannya, yang mana tidak termasuk pada permulaan niatnya, maka ketika itu wajib ia niat keluar daripada solat, tetapi terdapat juga mereka yang mengatakan bahawa tidak harus bagi seseorang itu mengurangkan bilangan rakaat melainkan terikat dengan niat sebelum melakukannya, maka ketika itu terbatal *illah* hukum tersebut, kerana niat untuk mengurangkan rakaat tersebut telah merangkumi di dalam salamnya, dan tidak perlu kepada niat baru (al-Haitami, 1996).

Imam Ibnu Hajar berpendapat bahawa tidak wajib niat keluar daripada solat melainkan pada satu masalah, iaitu seorang yang sedang solat sunat hendak mengurangkan bilangan rakaat solat yang dilakukannya, yang mana tidak termasuk pada permulaan niatnya, maka ketika itu wajib ia niat keluar daripada solat, tetapi terdapat juga mereka yang mengatakan bahawa tidak harus bagi seseorang itu mengurangkan bilangan rakaat melainkan terikat dengan niat sebelum melakukannya, maka ketika itu terbatal *illah* hukum tersebut, kerana niat untuk mengurangkan rakaat tersebut telah merangkumi di dalam salamnya, dan tidak perlu kepada niat baru (al-Haitami, 1996).

Metode bersandarkan ijthad

Seterusnya Imam Ibnu Hajar mengguna metode ijthad untuk mengistinbat pandangan hukum yang berkait dengan Isu menambah lafaz “سيدنا” sebelum kalimah “محمد” di dalam solat.

Imam Ibnu Hajar berpendapat bahawa tidak sunat tambah “سيدنا” sebelum lafaz “محمد”, sebagaimana di dalam *al-fathu al-Jawwad*, jika menambah “سيدنا” “سيدنا” tidak membatalkan solat. Adapun hadis لا تسيدوني في الصلاة adalah Hadis daif. Di dalam *al-Durr al-Mundud* menambah “sayidina” berlaku ikhilaq, oleh itu beliau menyarankan supaya tidak perlu menyebut lafaz *sayyidina* di dalam solat kerana sudah memadai dengan beramal berdasarkan hadis yang *warid* daripada Nabi SAW (Al-Haitami, 2005).

Metode bersandarkan kepada pandangan fuqaha

Pengkaji menjelaskan tokoh fuqaha yang menjadi sandaran hukum kepada Imam Ibnu Hajar dalam pentarjihan hukum dalam bab sifat solat. Terdapat di dalam kitab *Tuhfah al-Muhtāj* bahawa Imam Ibnu Hajar merujuk kepada pandangan beberapa tokoh fuqaha sezaman dan sebelum beliau ketika memberi padangan hukum di dalam bab sifat solat, Sebahagian mereka berasal daripada Syam dan sebahagian lagi daripada Iran. Sebenarnya Fuqaha yang menjadi rujukan Imam Ibnu Hajar adalah mereka yang berada dalam tempoh 400H hingga 900H. Berikut adalah penjelasan tokoh fuqaha yang menjadi sandaran hukum oleh Imam Ibnu Hajar dalam mengistinbatkan hukum fiqh dalam bab sifat solat berserta dengan contohnya.

i. Al-Baghawi (436H-616H)

Isu datang halangan baru setelah bersih daripada haid sebelumnya.

Wajib menunaikan solat dalam waktu berpegang dengan pendapat Zakaria al-Ansari, al-Baghawi dan Ibnu `Imad. Imam Ibnu Hajar berpendapat jika seseorang yang suci daripada haid mendapat ruang masa sekadar satu rakaat di akhir waktu Asar, maka datang halang baru setelah masuk waktu maghrib sekadar tempoh membolehkan solat maghrib, maka ketika itu ditentukan solat maghrib sahaja, diutamakan maghrib kerana itu adalah waktunya. dan masa yang berbaki di dalam waktu asar tidak memadai untuk solat Asar, ini pun sekira ia tidak memulakan solat Asar sebelum masuk waktu maghrib, jika sebaliknya maka ditentukan solat Asar atasnya, sebab ia telah mengguna ruang solat maghrib untuk solat Asar, menyebabkan solat maghrib tidak dapat dilakukan di dalam waktu sebelum datang halang baru. Seandainya dia mendapat ruang masa sekadar dua rakaat solat Asar dalam waktu Asar dan dua rakaat dalam waktu maghrib maka wajib atasnya solat Asar sahaja, sama seperti jika ia mendapat waktu lapang dalam waktu maghrib hanya sekadar empat rakaat untuk orang mukim dan dua rakaat untuk orang musafir, maka ditentukan solat Asar sahaja, kerana solat asar diikuti oleh solat zohor berbeza dengan solat zohor, sebab ia mengikut solat asar. Sama hukumnya bagi orang yang mendapat *takbiratul ihram* di waktu solat isyak (al-Haitami, 1996).

ii. Al-Rafii (557H-623H)

Isu menyebut وأن محمدا رسوله sahaja di dalam tasyahud

Pandangan Imam Ibnu Hajar tidak memadai syahadat dengan lafaz وأن محمدا رسوله sebagaimana yang telah diputuskan oleh Imam al-Rafii dan Imam Nawawi, kecuali dengan menambah lafaz

وأشهد أن محمدا رسوله mengikut hadis yang riwayat Imam Bukhari dan Imam Muslim, terdapat hadis lain وأشهد أن محمدا رسول الله dan وأشهد أن محمدا عبده ورسوله riwayat Imam Muslim. Memadai juga dengan menambah lafaz Allah pada وأشهد أن محمدا رسول الله walaupun tidak diriwayat.

Menggugur lafaz أشهد dan tambah kata nama zahir menepati tambahan عبد, tidak sama dengan وأشهد أن محمدا رسول الله kerana berbeza dengan apa yang disebut dalam *Raudhah*, kerana tidak hadis, ia tidak sama dengan masalah tambahan kalimah “عبد”, tetapi pada pendapat pada pendapat al-Azra’i sudah memadai, kerana sabit pada hadis riwayat Imam Muslim. Oleh itu tidak harus tukar lafaz *syahadah* kepada lafaz-lafaz yang sinonim dengannya, kerana lafaz tersebut *warid* dalam hadis, maka tidak boleh ditukar ganti dengan lafaz yang lain kerana ada perbezaan. Justeru itu tidak boleh diqiaskan lafaz وأشهد أن محمدا رسول الله dengan وأشهد أن محمدا عبده ورسوله dan وأشهد أن محمدا رسول الله (al-Haitami, 1996).

iii. Al-Nawawi (631H-676H)

Isu parameter *masyaqah* yang mengharuskan solat sambil duduk bagi solat fardu.

Imam Ibnu Hajar menyatakan jika seseorang lemah untuk berdiri dengan sebab kesukaran luar biasa yang tidak mampu ditanggung oleh seseorang itu, maka harus ia solat sambil duduk, mengikut cara-cara yang dikehendakinya mengikut syarat yang sah. Beliau sependapat dengan pandangan Imam Nawawi di dalam kitab *al-Majmu’*, contoh kesukaran untuk solat sambil berdiri seperti pening kepala sekiranya berada di atas kapal atau sebagainya. Beliau juga menegaskan sekiranya kesukaran itu hanya sekadar takut hilang khusyuk di dalam solat, maka itu tidak boleh dijustifikasikan sebagai teramat sukar yang mengharuskan seseorang solat sambil duduk, justeru itu tidak boleh bagi seseorang mengabaikan rukun *qiam* (al-Haitami, 1996). Pendapat ini sebagaimana di dalam kitab *Ismad al-Ainain* (Husein Abdullah, 1996).

iv. Al-Azra’i @ al-Qazwini (708H-783H)

Isu makmum duduk *istirahah* sedangkan iman tidak melakukannya.

Imam Ibnu Hajar berpendapat bahawa makruh bagi makmum menyalahi perbuatan imam semata-mata untuk melakukan duduk *istirahat*, bahkan membawa kepada haram jika luput sebahagian daripada al-Fatihah, ini dibahaskan oleh al-Azra’i, beliau menegaskan bahawa menyalahi perbuatan imam dengan sebab melakukan duduk *istirahat* maka tidak dikira uzur yang membolehkan seseorang meninggal bacaan al-fatihan, seperti tidak sempat menyempurna al-Fatihah, sekiranya luput rukuk bersama-sama imam maka luput rakaat tersebut tetapi wajib ia mengikut imam, serta menggantikannya setelah imam selesai solat (al-Haitami, 2005).

v. Al-Ansari @ Imam Zakaria (823H-926H)

Isu membaca surah lengkap lebih afdal atau sebahagian surah panjang lebih afdal.

Imam Ibnu Hajar berpendapat bahawa membaca surah lengkap lebih afdal daripada membaca sebahagian surah yang panjang, walau pun ayat-ayatnya lebih panjang daripada satu surah lengkap, kerana ikut sunnah Nabi SAW, walau bagaimana pun untuk mendapat limpahan pahala kerana bertambah huruf, itu dibandingkan orang menunaikan haji solat zuhur di Mina pada hari Raya Haji bukan di Masjid Makkah bagi mereka yang pergi untuk melakukan *Tawaf*

Ifadah. beliau mengambil pendapat Zakaria al-Ansari yang diambil daripada Imam Rafi`ie dan Imam Nawawi di dalam kitab *al-Majmu'* (al-Haitami, 1996).

vi. Qadi Husein (000H-426H) dan al-Mutawalli, al-Naisaburi (427H-478H)

Isu memanjangkan *i'tidal* pada rakaat akhir dengan penambahan bacaan selain daripada qunut.

Pendapat Imam Ibnu Hajar jika seseorang memanjangkan qunut yang disyariat dengan penambahan yang luar biasa adalah makruh, namun untuk memutus batal solat tersebut mesti melihat kepada dua andaian, pertama apa yang telah diputuskan oleh al-Mutawalli dan Qadi Husein bahawa tidak batal solat, kerana *i'tidal* adalah tempat sesuai untuk zikir dan doa, ini selain daripada *qunut nazilah* pada solat fardu atau sunat, ada pun memanjang *i'tidal* pada rakaat akhir dengan zikir dan doa tidak batal solat secara mutlak, kerana ada hadis yang membenarkan panjang bacaan secara umum ketika *i'tidal*, maka memanjangkan bacaan qunut ini dikecualikan daripada perkara yang membatalkan solat, seperti memanjangkan rukun pendek melebihi kadar yang dibenarkan oleh syara' sekadar surah al-Fatihah (al-Haitami, 1996).

vii. Al-Ghazali (450H-505H) al-Haramain (419H-478H) Qadi Husein dan al-Rafi.

Isu sujud atas sesuatu yang ditanggung.

Imam Ibnu Hajar berpendapat bahawa sah solat seseorang yang sujud atas sesuatu yang ditanggung lagi berhubung dengannya, jika tidak bergerak dengan gerakannya, seperti sujud atas jela serban yang panjang, kerana dikira jela serban itu terpisah daripadanya, tetapi jika bergerak jela serban dengan sebab pergerakan biasa di mana-mana bahagian solat maka tidak sah sujudnya, itu pun dengan syarat gerak itu terjadi dengan dengan sendiri, tetapi kalau bergerak jela serban dengan sebab pergerakan yang kuat maka sah sujudnya. Begitu juga pada pendapat beliau jikalau seseorang itu solat sambil duduk, lalu sujud di atas hela kain atau hujung pakaian atau ekor (jela) serban yang tidak bergerak dengan sebab gerakannya, tetapi seandainya ia solat sambil berdiri maka jela ekor serban atau hela kain akan bergerak sama dengan pergerakannya maka sahlah sujudnya (al-Haitami, 1996).

viii. Al-Sam'ani (502H-662H) @ al-Bazari dan Al-Zahir

Isu mengabaikan solat selepas masuk waktu.

Imam Ibnu Hajar: Wajib atas suami mendenda isterinya jika meninggalkan solat, syarat jangan menimbul nusyuz bagi pihak isteri, bahkan itu menjadi tanggungjawab suami menyuruh isteri menunaikan solat, yang bermaksud bahawa wajib ke atas suami merotan isteri sekiranya meninggalkan solat dengan syarat tidak menimbulkan nusyuz isteri atau tandanya terhadap suami, kerana menyuruh isteri mengerjakan solat adalah tanggungjawab suami, bahkan menjadi fardu ain ke atas suami, dengan alasan suami adalah ketua keluarga dan boleh diqiaskan dengan kuasa wali kedua ibubapa ke atas anak-anak mereka, sebagaimana pendapat al-Sam'ani.

Pandangan Al-Sam'ani bahawa status isteri yang masih kanak-kanak, yang mempunyai kedua ibubapa maka kewajiban atas ibubapa dan suami mendenda dengan cara merotan atau sebagainya. Begitu juga status isteri yang dewasa, pendapat ini juga disokong oleh Ibnu al-Bazari, ini adalah pendapat yang jelas (*al-zahir*), ini adalah termasuk kerja menyuruh perkara *ma'ruf* dan melarang perkara *munkar*, walau bagaimana pun ia tertakluk kepada syarat iaitu

tidak menimbulkan *nusyuz* isteri kepada suami. Tetapi pada pendapat Zarkasyi harus suami memukul isterinya (al-Haitami, 1996).

ix. Al-Isnawi (704H-772H) Isu tersalah bilangan rakaat ketika niat solat.

Bagi Imam Ibnu Hajar sunat disertakan beberapa perkara di dalam niat, seperti menentukan tunai atau qada, sandar kepada Allah, hadap kiblat dan bilangan rakaat. Seandainya tersalah pada perkara tersebut dengan sengaja batal solat tersebut, kecuali terlupa. Beliau bersandarkan kepada pandangan al-Isnawi dan Imam Nawawi (Al-Nawawi, t.t).

x. Al-Zarkasyi (745-794) solat di tempat-tempat *subhah* status suci.

Makruh solat di kandang lembu kerana diqiaskan tabiat lembu sama dengan tabiat unta. Imam Ibnu Hajar berpendapat bahawa makruh solat di kandang lembu kerana diqiaskan tabiat lembu sama dengan tabiat unta. beliau berdasarkan hadis berikut:

عن أبي هريرة قال: قال رسول الله ﷺ: (صلوا في مرابض الغنم ولا تصلوا في

أعطان الإبل)

(al-Tirmidzi: 347)

Maksudnya: Besolatlah di tempat tidur kambing, tetapi janganlah kamu solat di kandang unta.

Imam Ibnu Hajar mengaplikasikan kaedah usuliyah iaitu *dilalah al-Nas* terhadap maksud hadis. Beliau juga sependapat dengan pendapat Syeikh Zakaria al-Ansari dan Syeikh Kurdi (al-Haitami, 1996).

Metode bersandarkan kepada jumhur fuqaha

Imam Ibnu Hajar bersandarkan kepada pendapat jumhur sekira berlaku ikhtilah dikalangan fuqaha. Contoh sebagaimana berikut;

Isu niat pada kalimah “*al-Jalil*” yang diselangi di antara lafaz “*Allah*” dan lafaz “*Akbar*”.

Imam Ibnu Hajar berpendapat bahawa wajib disertakan niat pada mana-mana lafaz tambahan, contoh menambah lafaz *al-jalil* “*Allahul Jalilul Akbar*”, mesti sertakan niat pada lafaz “*al-Jalil*” yang ditambah di antara “*Allah*” dan “*Akbar*”, kekalkan niat itu sehingga akhir takbir. Sekira dibahagi-bahagikan niat sekira-kira tidak diniatkan pada “*al-Jalil*” hanya pada kalimah “*Allah*” dan “*Akbar*” sahaja, Sebenarnya cara ini ditolak sama sekali, sebab apabila ditambah mana-mana nama Allah atau sifat maka secara langsung termasuk di dalam kelompok niat, yang mana diambil kira dalam menentukan sah atau batal niat, perbuat itu dikira mutuskan niat dengan jarak masa yang lama. Oleh sebab itu niat tidak boleh diakhirkan pada lafaz “*al-Jalil*” sahaja, bahkan mesti dilangkaukan juzu-juzu niat kepada kalimah (lafaz) selepasnya, atau memulakan niat pada kalimah selepasnya (al-Haitami, 1996).

Metode bersandarkan kepada pendapat al-Muktamad

Isu niat memberi salam kepada mereka di sebelah kanan, kiri dan belakang, adakah perlu disertakan niat *tahallul*?

Imam Ibnu Hajar mensyaratkan niat *tahallul* terdahulu berserta dengan salam, bagi sesiapa yang berniat untuk memberi salam kepada orang di sebelahnya, hendaklah disertakan

salam dengan niat *tahallul* (keluar daripada solat), jika niat salam tanpa niat *tahallul* maka memudaratkan (membatalkan) solat, pendapat ini adalah muktamad dalam mazhab (al-Hamid, t.t).

Metode berdasarkan kepada pendapat *al-auwjuh*

Isu bila wajib belajar cara bertakbiratul ihram?

Imam Ibnu Hajar berpendapat bahawa wajib ke atas kedua ibu bapa mengajar anak-anak mereka cara *takbiratul ihram* pada permulaan mumayyiz, begitu juga bagi setiap seseorang, tetapi kepada mereka yang baru memeluk Islam wajib mempelajari cara *takbiratul ihram* bermula setelah memeluk agama Islam. Maka diqiaskan cara *takbiratul ihram* kepada wajib belajar rukun-rukun *qauli* yang lain, ini mengikut pendapat *al-auwjuh* (al-Haitami, 1996).

Kesimpulan

Setelah kajian dilakukan terdapat lima metode secara khusus yang telah diaplikasikan oleh Imam Ibnu Hajar dalam pandangan hukum yang berkaitan dengan isu-isu di dalam bab sifat solat, seperti isu-isu yang berkaitan dengan syarat, rukun dan sunat solat. Penulis telah mengklasifikasikan metode pandangan hukum mengikut tema-tema yang telah dibincangkan iaitu hadis, qias, ijtihad, bersandar kepada fuqaha dan pendapat *al-auwjuh*. Oleh itu dapat dirumuskan secara umum metode sandaran hukum yang diaplikasikan oleh Imam Ibnu Hajar ketika menyatakan pandangan hukum, hukum yang berkaitan dengan isu-isu di dalam bab sifat solat.

Sehubungan itu pengkaji merumuskan hasil daripada analisis metode yang diaplikasikan oleh Imam Ibnu Hajar mendapati sumber-sumber hukum yang menjadi rujukan Imam Ibnu Hajar dalam *istinbat* pandangan hukum fiqh adalah melibatkan hadis, Qias, ijtihad, pendapat imam dan ulama seperti al-Nawawi, al-Ansari, muktamad, al-Ashab, al-Awjuh, al-Baghawi, al-Rafii, al-Azrai, dan fuqaha. Penulis dapat merumuskan bahawa metode yang digunapakai oleh Imam Ibnu Hajar adalah jelas dan menjadi ikutan kepada fuqaha selepas beliau dalam menghuraikan pandangan hukum khususnya dalam bab sifat solat.

Rujukan

- Al-Suyuti, Jalal al-Din ‘Abd al-Rahman. 1999. *Al-Asybah wa al-Nadhair*. Jil. 3 Beirut-Libanon: Muassasah al-Kutub al-Tsaqofiyyah.
- Al-Syafie, Muhammad Bin Idris. *Al-Risalah*. 1990. Ed. Ahmad Muhammad Syakir. Beirut: Dar al-Makrifah.
- Al- Zaidan, Abdul Karim. 1999. *Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Al-Zarqa, Ahmad Bin Muhammad. 1409/1989. *Sharh al-Qawaid al-Fiqhiyyah*. Damascus: Dar al-Qalam.
- Abdul Hamid. (t.t). *Hasyiah Tuhfah al-Muhtaj*. Mesir: Matba`ah Mustafa Muhammad.
- Al-Ansari. (t.t). *Asna al-Matalib Syarh Raudu al-Talibin*. Penerbit Darul al-Kutub al-Islami.

- al-Asyqar. 2003. *al-Madkhal Ila Dirasah al-Mazahib wa al-Madaris al-Fiqhiyyah*. Jordan: Dar al-Nafais.
- al-Barzanji. 1993. *al-Ta`arud Wa al-Tarjih Baina Adillah al-Syariyyah*. Bairut: Darul Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Dahlawi. (t.t). *al-Insaf Fi Bayan Asbab al-Ikhtilaf*. Kahirah: Al-Matbaah al-Salfiyyah.
- al-Hafnawi. 2007. *al-Fath al-Mubin Fi Ta`rif Mustalahat al-Fuqaha Wa al-USuliyyin*. Qahirah: Dar al-Salam.
- al-Haitami. 2005. *al-Durrul al-Mandhud Fi al-Salat Wa Salam `Ala Sahib al-Maqam al-Mahmud*. Jeddah: Darul Minhaj.
- al-Haitami. 2005. *Fathu al-Jawwad Fi Sarh al-Irsyad `Ala Matni al-Irsyad*. Bairut, Lubnan: Darul Kutub Ilmiyyah.
- al-Haitami. 1996. *Tuhfah al-Muhtaj Bi Syarh al-Minhaj*. Bairut, Lunan: Darul Kutub Ilmiyah.
- al-Haitami. 1987. *Al-Manhaj al-Qawim `Ala Al-Muddimah Al-Hadharamuyyah Fi Fiqh Al-Safi`i*. Bairut,: Darul Faiha`.
- al-Hamid. (t.t). *Hawasyi Tuhfah al-Muhtaj Bi Syarh al-Minhaj*. Mesir: Matba`ah Mustafa Muhammad.
- al-Isnawi. 1970. *Tabaqat al-Syafiyyah, Tahqiq Abdullah al-Baghdadi*. Iraq: Ri`asah Diwan al-Auqaf.
- Al-Isnawi. 1987. *Al-Tamhid Fi Takhrij al-Furu` `Ala al-Usul*. Bairut, Lubnan.: Mua`assah al-Risalah.
- al-Khin. 1972. *Athar Ikhtilaf al-Qawaid al-USuliyyah Fi Ikhtilaf al-Fuqaha*. Bairut: Mu`assah al-Risalah.
- Al-Mardawi. (t.t). *Al-Insaf Fi Ma`rifat al-Rajih Min al-khilaf Lil Mardawi*. Damascus: Dar Ihya` Turath al-`Arabi.
- al-Qawasimi, Dr Akram. 2003. *al-Madkhal ila al-Imam al-Syafii*. Jordan: Darul Nafais.
- al-Saifi. 2016. *Nafais al-Durr Fi Tarjamah Syeikh al-Islam Ibnu Hajar*. Amman, al-Urdun: Darul Fath.
- al-Syirwani. (t.t). *Hawasyi Tuhfah al-Muhtaj Bi Syarh al-Minhaj*. Mesir: Matba`ah Mustafa Muhammad.
- Al-Zuhaili Muhammad. 1999. *Asbab Ikhtilaf al-Fuqaha*. Damascus: Darul Maktabi.
- al-Zuhaili. 1998. *Asbab Ikhtilaf Wajhat al-Nazhar al-Fiqhiyyah*. Damascus: Darul Maktabi.
- Bakar, Mohd Daud. 1995. *Teori dan Amalan Tarjih dalam Mazhab Shafii*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Dr Hasan Hito.1980. *Al-Imam Abu Ishaq: Sejarah hidup dan pandangannya dalam ilm usul fiqh (Tesis Phd)*. Damsyik, Syria: Darul Fikr.

LAMIRAN

METODE ISTINBAT HUKUM DAN ISU-ISU

1. METODE HADIS

1	Wanita mengqadakan solat yang tertinggal semasa haid.	
2	Had umur kanak-kanak yang boleh dipukul (didenda) sekiranya mereka mengabaikan solat.	
3	Bersolat di hamam (tempat mandi wap) yang baru siap.	
4	Parameter menggantikan solat yang tertinggal.	
5	Solat pada waktu makruh di tanah haram makkah, adakah bercanggah dengan pendapat lebih utama.	
6	Tempoh luput ucapan “أمين” selepas bacaan al-Fatihah?.	
7	Imam ingin memanjangkan bacaan DI dalam solat, adakah perlu persetujuan daripada makmum secara lisan?.	
8	Menambah lafaz “سيدنا” sebelum kalimah “محمد” ketika solat di dalam <i>tahiyat akhir</i> .	
9	Kedudukan imam selepas (memberi salam) solat hendaklah kanannya ke arah makmum dan kirinya ke arah mihrab.	
10	Melakukan perkara yang berkaitan dengan solat mengiringi masuk waktu.	

2. METODE QIAS

1	Bila wajib niat <i>tahalul</i> (keluar) daripada solat.	
2	Makmum duduk istirahat sedangkan iman tidak melakukannya.	
3	Tidur sebelum masuk waktu solat.	
4	Kanak-kanak baligh ketika solat disebabkan sampai umur.	

3. METODE IJTIHAD

1	Parameter menggantikan solat yang tertinggal	
2	memulakan solat baru sebelum sempurna solat yang pertama.	
3	Mengganti bacaan qunut dengan doa-doa lain	
4	Menyaringkan qunut <i>nazilah</i>	
5	Menambah lafaz “سيدنا” sebelum kalimah “محمد” di dalam solat.	
6	Kedudukan imam selepas (memberi salam) solat hendaklah kanannya ke arah makmum dan kirinya ke arah mihrab	

4. METODE ISTINBAT KEPADA FUQAHA

1. al-Baghawi (436H-616H)

1	Datang halangan baru setelah bersih daripada haid sebelumnya.	
2	memulakan solat baru sebelum sempurna solat yang pertama.	

2. al-Rafi'i (557H-623H)

1	Menyebut وأن محمدا رسوله sahaja di dalam tasyahud	
2	Membaca surah lengkap lebih afdal atau sebahagian surah panjang lebih afdal.	

3. al-Nawawi (631H-676H)

1	Parameter menggantikan solat yang tertinggal.	
2	Mendahulukan qada solat yang tertinggal tanpa uzur daripada solat yang tertinggal kerana uzur, walaupun mencatatkan tertib waktu.	
3	Mengqada solat tertinggal yang tidak pasti bilangannya.	
4	Niat fardu bagi kanak-kanak ketika solat fardu.	
5	Menyebut <i>وأن محمدا رسوله</i> sahaja di dalam tasyahud akhir.	
6	Parameter <i>masyaqqah</i> yang mengharuskan solat sambil duduk bagi solat fardu.	
7	Makmum mengikut imam yang turun daripada qiam, dengan niat untuk sujud tilawah, sedangkan imam turun untuk rukuk.	
8	Sujud atas sesuatu yang ditanggung.	
9	Membaca surah lengkap lebih afdal atau sebahagian surah panjang lebih afdal.	
10	Kadar doa yang sunat dibaca selepas tasyahud akhir.	
11	Kanak-kanak baligh ketika solat disebabkan sampai umur.	
12	Mendahulukan qada solat yang tertinggal tanpa uzur daripada solat yang tertinggal kerana uzur, walaupun mencatatkan tertib waktu.	
13	Kanak-kanak baligh ketika solat dengan cara bermimpi.	
14	<i>Mendahulukan qada solat yang tertinggal tanpa uzur daripada solat yang tertinggal kerana uzur, walaupun mencatatkan tertib waktu.</i>	
15	Kanak-kanak baligh ketika solat dengan cara bermimpi.	
16	Kedudukan jari jemari tangan ketika mengangkat <i>takbiratul ihram</i> ,	

4. al-Azra'i @ al-Qazwini (708H-783H)

1	Kesuntukkan masa untuk membaca surah yang <i>warid</i> di dalam solat digantikan dengan surah lain.	
2	Makmum duduk <i>istirahah</i> sedangkan iman tidak melakukannya.	

5. al-Ansari@Imam Zakaria (823H-926H)

1	Kanak-kanak hilang halangan solat di penghujung waktu solat.	
2	Hilang halangan-halangan solat di akhir waktu solat.	
3	Datang halangan baru setelah bersih daripada haid sebelumnya.	
4	Tersalah bilangan rakaat ketika niat solat.	
5	Solat witir tanpa niat bilangan rakaat.	
6	Makmum mengikut imam yang turun daripada qiam, dengan niat untuk sujud tilawah, sedangkan imam turun untuk rukuk.	
7	Membaca surah lengkap lebih afdal atau sebahagian surah panjang.	

6. Qadi Husein (000H-426H) dan al-Mutawalli, al-Naisaburi (427H-478H)

1	Isu memanjangkan <i>i'tidal</i> pada rakaat akhir dengan penambahan bacaan selain daripada qunut.	
---	---	--

7. al-Ghazali (450H-505H) al-Haramain (419H-478H)

1	Isu sujud atas sesuatu yang ditanggung.	
---	---	--

8. al-Sam'ani (502H-662H) @ al-Bazari dan Al-Zahir

1	Isu mengabaikan solat sesudah masuk waktu.	
---	--	--

9. al-Isnawi (704H-772H)

1	Isu tersalah bilangan rakaat ketika niat solat.	
---	---	--

10. al-Zarkasyi (745-794)

1	Solat di tempat-tempat <i>subhah</i> status suci.	
---	---	--

5. TAQLID (SANDARAN) KEPADA JUMHUR FUQAHA

1	Tidur sebelum masuk waktu solat.	
2	Berniat pada kalimah “ <i>al-Jalil</i> ” yang diselangi di antara lafaz “ <i>Allah</i> ” dan lafaz “ <i>Akbar</i> ”.	
3	Terlupa solat yang tertinggal ketika menunaikan solat tunai tetapi belum masuk waktu.	

6- TAQLID (SANDARAN) KEPADA PENDAPAT AL-MUKTAMAD

1	Niat memberi salam kepada mereka di sebelah kanan, kiri dan belakang, adakah perlu disertakan niat <i>tahallul</i> ?	
---	--	--

7- TAQLID (SANDARAN) KEPADA PENDAPAT AL-AUWJUH

1	Bila wajib belajar cara bertakbiratul ihram?	
2	Kesuntukkan masa untuk membaca surah yang <i>warid</i> di dalam solat digantikan dengan surah lain.	
3	Solat witir tanpa niat bilangan rakaat.	
4	Kanak-kanak hilang halangan daripada melakukan solat di penghujung waktu solat.	